

**LANG GUNUNG**  
Mountain Hawk-eagle

FAMILI: Acciptrinae  
NAMA SAINTIFIK: *Spizaetus nipalensis*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa hampir sama dengan Lang Hindek, *S.cirrhatus*, morfisme pudar, tetapi ia mempunyai jambul dengan hujung putih yang berdiri. Jalur ekor pula berwarna gelap. Semasa terbang, sayap kelihatan lebih lebar dan bulat manakala ekor lebih pendek secara relatif. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 66.0-75.0 sm.

**MAKANAN**

Kebanyakannya adalah pemangsa dan ada juga yang memakan bangkai. Dietnya terdiri daripada mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan, ketam, moluska dan serangga.

**HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp, hutan daun luruh dan hutan bercampur hingga ke ketinggian 2,500 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi *tlueet-weet-weet* yang bernada tinggi.

**PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Februari hingga Mei. Individu betina boleh menghasilkan satu hingga dua biji telur berwarna putih, putih kemerahan atau coklat cair pudar, dengan tompok merah hingga coklat kemerahan. Sarangnya berbentuk seperti cawan yang dalam, dibina 12.0-25.0 m dari aras tanah.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.